

06 DEC 2001

TPM BRITAIN TIBA DI KL

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Britain John Prescott yang dalam rangka lawatan ke lima buah negara, tiba di sini malam ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 9.30 malam disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tee Keat.

Prescott, yang juga Setiausaha Negara Pertama Britain, akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabat mereka esok.

Antara isu yang dijangka menjadi pokok perbincangan pada kedua-dua pertemuan itu ialah hubungan dua hala dan perang antarabangsa terhadap keganasan.

Timbalan Perdana Menteri Britain yang memegang jawatan Setiausaha Negara mengenai Alam Sekitar sehingga Jun lepas, masih mewakili Perdana Menteri Tony Blair dalam perbincangan antarabangsa mengenai perubahan cuaca dan beliau akan turut bertemu Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Heing Ding.

Beliau dijangka berbincang dengan Law mengenai persediaan menghadapi Sidang Kemuncak Dunia mengenai Pembangunan Berkekalan yang bakal berlangsung di Johannesburg pada September depan.

Prescott sebelum ini telah melawat Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia. Selepas Malaysia, beliau dijadual melawat Vietnam.

-- BERNAMA

SR SR MOZ